Pendapatan pegangan pertanian individu bagi daerah Keningau, Sabah merekodkan RM873.94 ribu dengan purata pendapatan tahunan adalah RM19,862.34. Ini diikuti oleh Tambunan, Sabah yang menyumbang pendapatan berjumlah RM787.25 (purata pendapatan tahunan: RM7,569.68), dan Kota Belud, Sabah dengan sumbangan pendapatan RM282.71 ribu (purata pendapatan tahunan: RM11,308.44). Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Kota Tinggi, Johor merekodkan pendapatan tertinggi berjumlah RM1.49 juta. Ini diikuti oleh Kinta, Perak dengan RM498.36 ribu dan Sik, Kedah yang mencatat RM484.62 ribu.

Paparan 14 : Pendapatan mengikut Pegangan Pertanian bagi Tiga Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia, 2023





9.0 PERBELANJAAN

Tanaman Lada mencatatkan jumlah perbelanjaan RM374.08 juta yang disumbangkan oleh pegangan pertanian individu berjumlah RM371.19 juta (99.2%) dan pegangan pertanian pertubuhan dengan nilai RM2.89 juta (0.8%). Purata perbelanjaan bulanan bagi pegangan pertanian individu dan pertubuhan masing-masing adalah RM960.91 dan RM24,043.98.

Paparan 15 : Perbelanjaan Tanaman Lada mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



Sumbangan **40%**
kos bahan langsung
tanaman lada
daripada
keseluruhan
perbelanjaan





Sarawak merekodkan perbelanjaan tertinggi bernilai RM369.19 juta (98.67%), dengan hampir keseluruhannya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu berjumlah RM369.19 juta (purata perbelanjaan tahunan: RM11,640.75) dan pegangan pertanian pertubuhan berjumlah RM44,851 (0.01%).

Jumlah perbelanjaan bagi Sabah mencatatkan RM1.09 juta (0.29%) yang disumbangkan oleh pegangan pertanian individu sepenuhnya dengan anggaran purata perbelanjaan tahunan iaitu RM3,401.32.

Manakala, Terengganu menyumbang perbelanjaan bernilai RM1.96 juta (0.52%) yang sebahagian besarnya iaitu 93.9 peratus adalah dari pegangan pertanian pertubuhan dengan jumlah RM1.84 juta. Pegangan pertanian individu telah menyumbang RM118,216 (6.1%) dengan purata perbelanjaan tahunan berjumlah RM5,629.33. Johor mencatatkan perbelanjaan bernilai RM687.66 ribu (0.18%) disumbangkan oleh pegangan pertanian individu dengan jumlah RM448.42 ribu (purata perbelanjaan tahunan: RM4,927.68) dan pegangan pertanian pertubuhan dengan jumlah RM239.24 ribu.


Paparan 16 : Perbelanjaan Tanaman Lada mengikut Pegangan Pertanian dan Negeri, Malaysia, 2023

Peratus	Perbelanjaan (RM) '000	Individu		Pertubuhan	Perbelanjaan (RM) '000	Peratus
0.12	448.42	91	Johor	3	239.24	8.3
0.03	91.29	10	Kedah	1	62.60	2.2
0.01	44.31	12	Kelantan	-	-	-
0.03	13.80	4	Melaka	-	-	-
0.004	14.77	2	Negeri Sembilan	-	-	-
0.004	14.08	4	Pahang	1	456.12	15.8
0.01	37.97	2	Pulau Pinang	-	-	-
0.03	116.30	6	Perak	1	240.28	8.3
0.004	15.68	3	Selangor	-	-	-
0.03	118.22	21	Terengganu	3	1842.19	63.9
0.29	1,091.83	321	Sabah	-	-	-
99.46	369,186.36	31,715	Sarawak	1	44.85	1.6

*Nota: Tiada Pengusaha dan Pertubuhan yang menjalankan tanaman lada di Perlis, W.P. Kuala Lumpur, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya



Paparan 17 : Perbelanjaan mengikut Pegangan Pertanian dan Tiga Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia 2023



Perbandingan mengikut daerah, Julau, Sarawak merekodkan perbelanjaan tertinggi berjumlah RM49.71 juta disumbangkan oleh pegangan pertanian individu dengan purata perbelanjaan tahunan adalah RM17,265. Ini diikuti oleh Pakan, Sarawak yang menyumbang perbelanjaan berjumlah RM39.22 juta (purata perbelanjaan tahunan: RM16.5 ribu), dan Serian, Sarawak dengan sumbangan perbelanjaan bernilai RM32.12 juta (purata perbelanjaan tahunan: RM11.1 ribu).

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Kinta, Perak merekodkan perbelanjaan tertinggi berjumlah RM240.28 ribu, diikuti oleh Kota Tinggi, Johor dengan RM220.90 ribu dan Sik, Kedah yang mencatat RM63.60 ribu.





RENCANA

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



Analisis Industri Tanaman Lada di Malaysia dalam Persekitaran Global

Sharuddin Shafie¹, Fariza Kambut², Syafawati Abdul Refai¹,
Mohamad Hasrolsafwan bin Abu Hassan², Muhamad Hakim Bin Mohd Zaidi²
Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan¹
Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar²,

Pengenalan dan Latar Belakang Sejarah

Lada (*Piper nigrum*), yang berasal dari wilayah pesisir barat India, merupakan antara rempah bernilai tinggi yang telah digunakan secara meluas sejak lebih 2,000 tahun lalu. Penyebarannya ke Asia Tenggara berlaku melalui jaringan perdagangan maritim antarabangsa, sekali gus menjadikan lada sebagai komoditi penting dalam ekonomi tropika. Di Malaysia, tanaman lada dipercayai diperkenalkan sekitar abad ke-19 dengan penanaman komersial bermula seawal 1840-an di Sarawak. Usaha awal ini diterajui oleh masyarakat tempatan, khususnya komuniti Dayak dan Hakka, yang memanfaatkan kesesuaian tanah serta iklim tropika basah Sarawak. Sejak itu, Sarawak berkembang sebagai teras industri lada negara dan kini menyumbang lebih 90 peratus daripada jumlah pengeluaran nasional. Perkembangan industri lada negara diperkukuh melalui sokongan kerajaan, khususnya melalui Lembaga Lada Malaysia (MPB), yang melaksanakan pelbagai inisiatif penyelidikan, pembangunan teknologi, pensijilan Amalan Pertanian Baik (GAP) serta promosi berterusan di peringkat antarabangsa. Kerjasama strategik dengan agensi perdagangan seperti MATRADE turut memperkukuh kedudukan Lada Sarawak dalam segmen pasaran premium global. Usaha ini selaras dengan Dasar Agromakanan Negara dan Pelan Transformasi Industri Lada Malaysia. Di Malaysia, beberapa varieti lada telah ditanam secara komersial yang menghasilkan biji lada yang berkualiti dan menjadi pilihan di kalangan pekebun lada, terutamanya di Sarawak adalah:

Paparan1 : Varieti Lada, Malaysia

		
i. Varieti Semongkok Emas merupakan varieti yang terkenal dengan hasil yang tinggi dan buah yang lebih sekata, membolehkan penuaian dilakukan dalam jumlah yang lebih sedikit berbanding varieti lain. Ia juga lebih tahan terhadap serangan penyakit tertentu.	ii. Varieti Semongkok Aman lebih dikenali kerana daya tahan yang baik terhadap penyakit dan perosak, serta menghasilkan buah lada berkualiti tinggi.	iii. Varieti Kuching merupakan varieti yang paling banyak ditanam, tetapi memerlukan lebih banyak penuaian kerana buah lada tidak masak secara serentak.

Sumber: Lembaga Lada Malaysia

2. Cabaran Pengurusan Penyakit dan Perosak

Industri lada Malaysia berdepan cabaran berterusan berkaitan penyakit dan perosak yang menjejaskan produktiviti tanaman. Antara penyakit paling serius ialah reput pangkal batang yang disebabkan oleh kulat *Phytophthora capsici*, yang menyebabkan kerosakan akar dan batang serta pengurangan hasil secara ketara. Selain itu, penyakit daun seperti antraknos serta serangan perosak termasuk ulat batang (*Lophobaris piperis*) dan kutu daun turut memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan pokok lada. Dalam konteks semasa, cabaran tradisional ini diburukkan lagi oleh peningkatan kos tenaga kerja dan kadar urbanisasi yang semakin tinggi, yang mengurangkan ketersediaan buruh ladang. Sekiranya tidak ditangani secara berkesan, faktor-faktor ini boleh mengancam kelestarian industri lada negara. Oleh itu, pendekatan pengurusan ladang secara menyeluruh dan penerapan Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) amat penting bagi mengurangkan risiko kerugian serta memastikan pengeluaran yang mampan.

3. Amalan Pertanian dan Struktur Pengeluaran

Dari segi kuantiti pengeluaran, Malaysia masih ketinggalan berbanding negara pengeluar utama seperti Vietnam dan Indonesia. Amalan penanaman tradisional yang masih digunakan secara meluas turut menjejaskan kecekapan pengeluaran dan mengurangkan minat generasi muda untuk menceburi sektor ini. Kos pengeluaran yang tinggi, khususnya akibat penggunaan tiang kayu belian (*Eusideroxylon zwageri*) sebagai sokongan tanaman serta peningkatan harga input pertanian seperti baja dan racun perosak, menjadi antara faktor utama penurunan pengeluaran lada negara. Walau bagaimanapun, landskap industri lada kini semakin berkembang apabila lada tidak lagi dilihat sekadar bahan penambah rasa, malah berpotensi besar dalam industri farmaseutikal, kosmetik dan produk kesihatan. Sehubungan itu, kerajaan melalui MPB giat menggalakkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pengkomersialan produk hiliran berasaskan lada bagi meningkatkan nilai tambah dan daya saing produk lada Malaysia di pasaran global.





4. Sokongan Kerajaan dan Pembangunan Modal Insan

Kerajaan memainkan peranan penting dalam memperkukuh ekosistem industri lada melalui pelbagai agensi di bawah Kementerian Perlindungan dan Komoditi. MPB menyediakan input pertanian, latihan teknikal, khidmat bimbingan pengurusan ladang serta sokongan pengendalian lepas tuai bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti hasil.

Jabatan Pertanian pula menyumbang melalui khidmat nasihat teknikal, penyelidikan agronomi serta pembangunan infrastruktur asas. Selain itu, pelaksanaan program agropreneur muda dan keusahawanan tani bertujuan menarik penyertaan generasi baharu dalam industri lada. Jabatan Perangkaan Malaysia turut menyokong pembangunan industri melalui pelaksanaan Banci Pertanian 2024, yang menyediakan data komprehensif untuk perancangan dasar dan pembangunan sektor pertanian.

5. Prestasi dan Prospek Eksport Lada Malaysia

Walaupun berdepan persaingan sengit daripada Viet nam dan Indonesia, Malaysia kekal sebagai pengeluar lada kelima terbesar dunia. Pada tahun 2022, Malaysia mencatat eksport sebanyak 6,779 tan metrik lada bernilai RM181.41 juta, mencerminkan kekuatan Lada Sarawak dalam segmen produk berkualiti premium.

Pasaran eksport utama terdiri daripada negara berpendapatan tinggi yang menitikberatkan kualiti dan keselamatan makanan. Jepun merupakan pasaran terbesar dengan bahagian 45.85%, diikuti oleh Vietnam, Taiwan, Singapura, Korea Selatan dan Filipina. Corak eksport ini menunjukkan kebergantungan kepada pasaran yang menghargai rempah berkualiti tinggi.

Bagi memastikan kelestarian jangka panjang, industri lada Malaysia perlu mempelbagaikan destinasi eksport ke pasaran baharu seperti Timur Tengah dan Eropah serta memperkukuh pembangunan produk hiliran bernilai tambah. Selari dengan prinsip “sedikit tetapi bernilai tinggi”, masa depan industri lada negara tidak harus ditentukan oleh jumlah pengeluaran semata-mata, tetapi oleh keupayaan menjana nilai melalui inovasi, penjenamaan dan pematuhan piawaian antarabangsa.



Penyelidikan penanaman Lada di Malaysia

Penyelidikan penanaman lada secara organik Pada masa kini, keberkesanan baja konvensional terhadap tanaman lada semakin berkurangan akibat tanah yang kurang efisien dalam penukaran nutrien serta mempunyai kapasiti pegangan air yang rendah. Kekurangan bahan organik dan kandungan karbon turut menyumbang kepada kemerosotan kesuburan tanah. Selain itu, ketumpatan pukal dan kekerasan lapisan tanah permukaan semakin meningkat akibat aktiviti penyelenggaraan ladang yang intensif, dan keadaan ini dijangka berterusan selari dengan peningkatan aktiviti kebun. Masalah tersebut mengakibatkan peningkatan kemerosotan kesuburan tanah, sekali gus menjejaskan hasil dan jangka hayat tanaman lada.

Sehubungan itu, amalan pertanian organik diperkenalkan bagi meningkatkan kepelbagaian mikroorganisma berfaedah yang berperanan memperbaiki serta mengekalkan sifat kimia dan fizikal tanah. Penambahan bahan organik secara berkala merupakan komponen penting dalam strategi pemulihan tanah. Selain manfaat agronomi, pertanian organik turut terbukti berdaya ekonomi seperti yang dibuktikan di Kampot, Kemboja, apabila amalan ini membantu mengurangkan kos pengeluaran dan memberikan petani pulangan lebih tinggi melalui pengeluaran lada organik yang mendapat permintaan kukuh di pasaran antarabangsa, khususnya di *European Union* (EU).

Penyelidikan penanaman lada secara Sistem Tanaman selingan Integrasi tanaman ekonomi lain bersama lada hitam bertujuan mengoptimumkan penggunaan tanah serta menyediakan sumber pendapatan tambahan kepada penanam lada. Sistem integrasi sedemikian berpotensi berfungsi dalam jangka masa panjang dan meningkatkan daya tahan sistem penanaman lada. Sistem tanaman selingan yang diperkenalkan perlu mampu menjana pendapatan lestari kepada penanam tanpa menjejaskan pengeluaran lada sedia ada. Sehubungan itu, kajian terperinci diperlukan bagi mengenal pasti tanaman selingan yang sesuai untuk diaplikasikan dalam konteks Malaysia, khususnya bagi kebun lada di kawasan lereng berbukit.



Cabaran dan peluang

Industri lada di Malaysia pada masa ini sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran yang bersifat struktural dan luaran, yang secara langsung menjejaskan keupayaannya untuk kekal berdaya saing di peringkat global. Antara cabaran utama yang dihadapi termasuklah kesan daripada perubahan iklim yang semakin tidak menentu, yang mengganggu kitaran pertumbuhan tanaman, menjejaskan kesuburan tanah, serta meningkatkan kerentanan terhadap serangan penyakit dan perosak tanaman. Keadaan ini turut memerlukan pelaburan tambahan dalam langkah pencegahan dan pemulihan, sekali gus meningkatkan kos pengeluaran bagi pengusaha.

Di samping itu, kekurangan tenaga kerja mahir dalam sektor pertanian terutamanya dalam kalangan generasi muda menyebabkan operasi ladang sukar dikembangkan dengan cekap dan mampan. Isu ini turut diperparah oleh peningkatan kos input seperti baja, racun perosak, dan bahan sokongan ladang yang lain, yang membebankan pengusaha berskala kecil yang menjadi tulang belakang kepada pengeluaran lada negara. Dalam masa yang sama, harga pasaran lada dunia yang tidak stabil terus memberi tekanan kepada margin keuntungan pengeluar tempatan. Persaingan daripada negara-negara pengeluar utama seperti Viet nam, Brazil, Indonesia dan India yang memiliki kelebihan dari segi skala ekonomi, mekanisasi dan keupayaan eksport turut menyukarkan kedudukan Malaysia untuk bersaing dalam pasaran lada pukal.

Meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran, industri lada Malaysia masih mempunyai potensi yang besar untuk berkembang sekiranya peluang-peluang strategik dapat dikenal pasti dan dimanfaatkan secara optimum. Permintaan antarabangsa terhadap produk lada organik, bersijil halal, dan berkualiti tinggi semakin meningkat, khususnya dalam kalangan pengguna yang mementingkan kesihatan dan keselamatan makanan. Perkembangan ini membuka ruang baharu kepada Malaysia untuk

menembusi segmen pasaran premium berorientasikan gaya hidup sihat dan kelestarian. Pelaburan berterusan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) amat penting untuk menyokong pertumbuhan sektor ini. Inisiatif seperti penghasilan varieti lada yang lebih tahan terhadap penyakit dan berupaya menghasilkan hasil yang tinggi berpotensi untuk meningkatkan produktiviti ladang serta mengurangkan kebergantungan kepada input kimia dan buruh intensif. Selain itu, pembangunan sistem agronomi yang lebih mampan dan penggunaan teknologi moden.





PENAFIAN

Pandangan yang dikemukakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM.

RUJUKAN

Entebang, J., Bujang, M., & Ahmad, S. (2020). Pepper cultivation and development in Sarawak. Kuching: [Penerbit].

Lembaga Lada Malaysia. (2022). Laporan tahunan industri lada Malaysia 2022. Kuching: MPB.

Lembaga Lada Malaysia. (2023). Pelan Transformasi Industri Lada Malaysia. Kuching: MPB.

Malaysia External Trade Development Corporation. (2022). Export performance of Malaysian pepper. Kuala Lumpur: MATRADE.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). Banci Pertanian 2024. Putrajaya: DOSM/product/090411

**Kos Bahan Langsung Tanaman Lada**

Sharuddin Shafie¹, Fariza Kambut², Syafawati Abdul Refai¹,
Mohamad Hasrolsafwan bin Abu Hassan², Muhamad Hakim Bin Mohd Zaidi²
Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan¹
Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar²,

Pendahuluan

Tanaman lada merupakan salah satu tanaman rempah yang penting dan bernilai tinggi di Malaysia. Dalam kitaran hidup tanaman lada, peringkat matang merupakan fasa yang penting kerana pada tahap ini tanaman mula menghasilkan buah yang boleh dituai dan dipasarkan. Peringkat matang bukan sahaja bergantung kepada penjagaan tanaman, malah bergantung dengan kos bahan langsung yang digunakan sepanjang proses penanaman.

Kos bahan langsung merujuk kepada perbelanjaan yang dikaitkan secara terus dengan aktiviti penanaman dan penyelenggaraan tanaman lada, meliputi semua input kritikal yang diperlukan bagi memastikan tanaman mencapai tahap pertumbuhan optimum dan menghasilkan output yang memenuhi standard kualiti yang ditetapkan. Dalam pelaksanaan penanaman lada, komponen kos bahan langsung merangkumi beberapa aspek utama yang menyokong operasi secara menyeluruh.

Komponen Kos Bahan Langsung

Anak benih lada merupakan kos bahan langsung bagi penanaman lada. Pemilihan anak benih yang berkualiti tinggi adalah faktor penentu kadar kelangsungan hidup pokok. Komponen baja dan nutrien juga menjadi komponen penting dalam menyokong pembangunan vegetatif tanaman lada. Penggunaan baja kimia, baja organik dan nutrien tambahan mengikut jadual terancang dapat membantu mengekalkan kesuburan tanah dan memastikan tanaman menerima bekalan nutrisi yang mencukupi. Baja kimia seperti nitrogen, fosforus dan kalium (NPK) adalah sumber nutrien kepada tanaman lada.

Di samping itu, baja organik seperti kompos dan baja tahi ayam turut digunakan sebagai baja bagi meningkatkan kesuburan tanah dan memperbaiki struktur fizikal tanah. Penggunaan baja organik memainkan peranan penting dalam meningkatkan kapasiti tanah mengekalkan kelembapan dan nutrien.

Selain itu, kos bahan langsung turut merangkumi penggunaan racun seperti racun kulat, racun serangga dan racun rumpai. Racun diperlukan bagi mengawal risiko serangan penyakit dan perosak yang berpotensi menjejaskan hasil tanaman dengan kuantiti penggunaan yang tepat dan terkawal supaya tahap kesihatan tanaman berada pada paras optimum selaras dengan amalan pertanian baik.




Penggunaan bahan penutup seperti plastik silvershine, sabut kelapa atau rumput kering pula bertujuan memelihara kelembapan tanah, mengurangkan pertumbuhan rumput dan mengoptimumkan penggunaan air. Media tanaman seperti tanah campuran, pasir, *peat moss* dan *cocopeat* disediakan sekiranya proses semaian dilakukan di tapak projek, bagi memastikan kadar percambahan anak benih berada pada tahap yang memberangsangkan. Komponen ini melengkapi keperluan awal tanaman sebelum dipindahkan ke kawasan penanaman kekal

Di samping itu, bahan sokongan tanaman seperti tiang sokongan contohnya, kayu belian, tali pengikat dan jaring tanaman digunakan untuk memastikan pokok lada dapat membesar dengan struktur memanjat yang stabil. Penggunaan bahan sokongan yang kukuh bukan sahaja memudahkan kerja penyelenggaraan, malah menyumbang kepada perkembangan pokok yang lebih sihat dan produktif.

Kayu belian digunakan sebagai struktur sokongan yang utama dan sangat penting dalam aktiviti penanaman lada kerana ketahanannya yang tinggi terhadap kelembapan, serangan serangga dan pereputan akibat daripada cuaca. Penggunaan kayu belian memastikan kestabilan jangka panjang sistem pemanjat, sekali gus menyokong pertumbuhan optimum serta mengurangkan keperluan penyelenggaraan infrastruktur ladang. Namun, kayu belian tidak dikira sebagai bahan langsung sebab dianggap aset kekal kerana daya ketahanannya yang boleh mencecah 20 hingga 30 tahun.

**Carta 1: Peratusan Penggunaan Kos Bahan Langsung
Tanaman Lada Peringkat Matang**




Sumber: Lembaga Lada Malaysia. (LLM).



Pecahan kos bahan langsung penanaman lada hitam pada peringkat matang menunjukkan baja merupakan komponen kos bahan langsung tertinggi dengan sumbangan 69.4 peratus daripada jumlah keseluruhan. Kebergantungan yang tinggi terhadap baja mencerminkan keperluan nutrien berterusan untuk mengekalkan produktiviti dan hasil tanaman pada fasa berbuah. Kos racun perosak dan kulat menyumbang 22.2 peratus, menunjukkan kepentingan kawalan penyakit dan perosak, khususnya bagi mengurangkan risiko serangan penyakit reput akar dan serangan serangga yang boleh menjejaskan hasil. Manakala, peralatan sokongan mencatatkan 8.3 peratus dimana keperluan input fizikal seperti tiang kayu, dawai dan bahan gantian adalah minimum berbanding input agronomi lain setelah tanaman mencapai tahap matang. Secara keseluruhan, struktur kos bahan langsung menggambarkan bahawa pengurusan nutrien dan perlindungan tanaman merupakan faktor utama yang mempengaruhi kos operasi tahunan ladang lada pada peringkat matang.

Carta 2: Peratusan Penggunaan Kos Bahan Langsung Tanaman Lada Peringkat Matang, Banci Pertanian 2024



Sumber: Banci Pertanian 2024

Penemuan Banci Pertanian 2024 menggambarkan komposisi kos perbelanjaan input utama dalam aktiviti penanaman lada peringkat matang. Penghasilan buah lada matang memerlukan input berterusan yang tertumpu kepada pembajaan, kawalan penyakit dan penyelenggaraan struktur sokongan menjadikannya komoditi yang memerlukan pengurusan rapi untuk mengekalkan hasil yang optimum.



Kos bahan langsung tanaman lada sebahagian besarnya melibatkan perbelanjaan baja dan racun yang menjadi komponen kritikal dalam pengurusan ladang. Baja merupakan penyumbang tertinggi dalam kos bahan langsung dengan merekodkan 64.0 peratus iaitu lebih separuh daripada keseluruhan kos input. Ini menunjukkan kebergantungan operasi ladang terhadap nutrien tanah bagi menyokong pertumbuhan dan produktiviti tanaman serta memperbaiki kesuburan struktur tanah. Jenis baja yang digunakan dalam penanaman lada adalah baja NPK, organik, boron, magnesium, zink dan dolomite.

Bagi kawalan penyakit, racun kulat dan serangga penyumbang kedua tertinggi dengan sumbangan 25.0 peratus, mencerminkan keperluan kawalan perosak dan penyakit bagi memastikan kualiti pengeluaran buah lada terjamin. Contoh racun kulat dan serangga adalah *metalaxyl*, *mancozeb*, *imidacloprid* dan *abamectin*. Selain itu, racun rumpai turut digunakan bagi mengurangkan persaingan nutrien di ladang. Sementara itu, komponen peralatan sokongan mencatatkan peratusan yang rendah dengan sumbangan 10.9 peratus, merangkumi perbelanjaan sokongan yang bersifat pelengkap kepada operasi keseluruhan. Contohnya tali, dawai dan klip dan pembaikan tiang sokongan. Secara keseluruhannya, kawalan kos bahan langsung yang efisien bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan produktiviti, malah mengukuhkan kedudukan industri lada sebagai sektor pertanian yang bernilai tinggi di Malaysia.

**Rajah 1: Perbandingan Komposisi Kos Bahan Langsung
Tanaman Lada Peringkat Matang**

Komponen Kos Bahan Langsung	Komposisi Kos Bahan Langsung Tanaman Lada Peringkat Matang		Komposisi Kos Bahan Langsung Tanaman Lada Peringkat Matang, Banci Pertanian 2024
	Anggaran Kos Tahunan (RM/ ha)	Peratus (%)	Peratus (%)
Baja	2500	69.4	64.0
Racun perosak / kulat / rumpai	800	22.2	25.0
Peralatan Sokongan	300	8.3	10.9
Anak benih	-	-	0.1

Sumber: Lembaga Lada Malaysia dan Banci Pertanian 2024

Analisis perbandingan komposisi kos bahan langsung tanaman lada peringkat matang menunjukkan hasil penemuan Banci Pertanian 2024 melaporkan sumbangan peratusan komponen kos bahan langsung selari dengan corak kos bahan langsung nasional dengan penemuan utama terhadap baja dan perlindungan tanaman yang mempengaruhi kos operasi tanaman bagi pengeluaran lada. Walau bagaimanapun, penemuan Banci Pertanian 2024 turut merekodkan penggunaan anak benih yang minimum di peringkat matang iaitu sebanyak 0.1 peratus.



Kesimpulan

Kos bahan langsung tanaman lada menunjukkan struktur perbelanjaan yang tertumpu kepada pembajaan dan kawalan penyakit serta perosak bagi menyokong pertumbuhan dan produktiviti tanaman pada peringkat matang. Justeru, pengurusan kos bahan langsung yang cekap dan berstrategi adalah penting dalam memastikan kelestarian pengeluaran, peningkatan hasil dan daya saing industri lada di Malaysia.

PENAFIAN

Pandangan yang dikemukakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM.

RUJUKAN

- Jabatan Pertanian Malaysia. (2018). *Pakej teknologi tanaman lada*. Putrajaya: Jabatan Pertanian Malaysia.
- Jabatan Pertanian Malaysia. (2020). *Anggaran kos pengeluaran tanaman rempah*. Putrajaya: Jabatan Pertanian Malaysia.
- Lembaga Lada Malaysia. (2017). *Manual penanaman lada*. Kuching: Lembaga Lada Malaysia.
- Lembaga Lada Malaysia. (2019). *Kos pengeluaran lada Sarawak*. Kuching: Lembaga Lada Malaysia.
- Lembaga Lada Malaysia. (2023). *Laporan tahunan Lembaga Lada Malaysia 2022*. Kuching: Lembaga Lada Malaysia.
- Food and Agriculture Organization of the United Nations. (2013). *Good agricultural practices for spice crops*. Rome: FAO.
- Food and Agriculture Organization of the United Nations. (2015). *Production and productivity of pepper (Piper nigrum)*. Rome: FAO.
- Ismail, M., & Salleh, K. (2016). Economic analysis of black pepper production in Sarawak. *Journal of Tropical Agriculture and Food Science*, 44(2), 189–198.
- Kueh, H. S., & Bujang, B. K. (2018). Cost efficiency and profitability of smallholder pepper farming in Sarawak. *Malaysian Journal of Agricultural Economics*, 30(1), 45–58.



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



JADUAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lada mengikut Negeri, Malaysia, 2023
Table 1.0: Agricultural Holding for Pepper Crop by State, Malaysia, 2023

Negeri State	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	32,191	99.97	10	0.03	32,201	100.0
Johor	91	96.81	3	3.19	94	100.0
Kedah	10	90.00	1	10.00	11	100.0
Kelantan	12	100.0	-	0.00	12	100.0
Melaka	4	100.0	-	0.00	4	100.0
Negeri Sembilan	2	100.0	-	0.00	2	100.0
Pahang	4	80.00	1	20.00	5	100.0
Pulau Pinang	2	100.0	-	0.00	2	100.0
Perak	6	85.71	1	14.29	7	100.0
Perlis	-	-	-	0.00	-	-
Selangor	3	100.0	-	0.00	3	100.0
Terengganu	21	87.50	3	12.50	24	100.0
Sabah	321	100.0	-	0.00	321	100.0
Sarawak	31,715	100.0	1	0.00	31,716	100.0
W.P. Kuala Lumpur	-	-	-	-	-	-
W.P. Labuan	-	-	-	-	-	-
W.P. Putrajaya	-	-	-	-	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agricultural Census 2024

- * Nota:**
1. Analisa pada Disember 2025
2. Negeri merujuk lokasi pegangan pertanian

- * Notes:**
1. Analysis as at December 2025
2. State refer to the location's where the agricultural holder reside

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023
Table 1.1: Agricultural Holdings of Pepper Crop by Administrative District, Malaysia, 2023

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Malaysia	32,191	99.97	10	0.03	32,201	100.0
Johor	91	96.81	3	3.19	94	100.0
Batu Pahat	5	100.0	-	-	5	100.0
Johor Bahru	40	100.0	-	-	40	100.0
Kluang	3	75.00	1	25.00	4	100.0
Kota Tinggi	8	80.00	2	20.00	10	100.0
Mersing	-	-	-	-	-	-
Muar	5	100.0	-	-	5	100.0
Pontian	10	100.0	-	-	10	100.0
Segamat	2	100.0	-	-	2	100.0
Kulai	17	100.0	-	-	17	100.0
Tangkak	1	100.0	-	-	1	100.0
Kedah	9	90.00	1	10.00	10	100.0
Baling	1	100.0	-	-	1	100.0
Bandar Baharu	2	100.0	-	-	2	100.0
Kota Setar	-	-	-	-	-	-
Kuala Muda	-	-	-	-	-	-
Kubang Pasu	-	-	-	-	-	-
Kulim	-	-	-	-	-	-
Langkawi	1	100.0	-	-	1	100.0
Padang Terap	2	100.0	-	-	2	100.0
Sik	4	80.00	1	20.00	5	100.0
Yan	-	-	-	-	-	-
Pendang	-	-	-	-	-	-
Pokok Sena	-	-	-	-	-	-
Kelantan	12	100.0	-	-	12	100.0
Bachok	-	-	-	-	-	-
Kota Bharu	4	100.0	-	-	4	100.0
Machang	-	-	-	-	-	-
Pasir Mas	1	100.0	-	-	1	100.0
Pasir Puteh	3	100.0	-	-	3	100.0
Tanah Merah	2	100.0	-	-	2	100.0
Tumpat	-	-	-	-	-	-
Gua Musang	1	100.0	-	-	1	100.0
Kuala Krai	-	-	-	-	-	-
Jeli	1	100.0	-	-	1	100.0
Jajahan Kecil Lojing	-	-	-	-	-	-

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)*Table 1.1: Agricultural Holdings of Pepper Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Melaka	4	100.0	-	-	4	100.0
Alor Gajah	-	-	-	-	-	-
Jasin	4	100.0	-	-	4	100.0
Melaka Tengah	-	-	-	-	-	-
Negeri Sembilan	2	100.0	-	-	2	100.0
Jelebu	1	100.0	-	-	1	100.0
Kuala Pilah	-	-	-	-	-	-
Port Dickson	-	-	-	-	-	-
Rembau	-	-	-	-	-	-
Seremban	1	100.0	-	-	1	100.0
Tampin	-	-	-	-	-	-
Jempol	-	-	-	-	-	-
Pahang	4	80.00	1	20.00	5	100.0
Bentong	-	-	1	100.0	1	100.0
Cameron Highlands	-	-	-	-	-	-
Jerantut	-	-	-	-	-	-
Kuantan	-	-	-	-	-	-
Lipis	-	-	-	-	-	-
Pekan	-	-	-	-	-	-
Raub	-	-	-	-	-	-
Temerloh	-	-	-	-	-	-
Rompin	2	100.0	-	-	2	100.0
Maran	-	-	-	-	-	-
Bera	2	100.0	-	-	2	100.0
Pulau Pinang	2	100.0	-	-	2	100.0
Seberang Perai Tengah	-	-	-	-	-	-
Seberang Perai Utara	-	-	-	-	-	-
Seberang Perai Selatan	2	100.0	-	-	2	100.0
Timur Laut	-	-	-	-	-	-
Barat Daya	-	-	-	-	-	-
Perak	6	85.71	1	14.29	7	100.0
Batang Padang	-	-	-	-	-	-
Manjung	-	-	-	-	-	-
Kinta	3	75.00	1	25.00	4	100.0
Kerian	-	-	-	-	-	-
Kuala Kangsar	1	100.0	-	-	1	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agricultural Holdings of Pepper Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Larut Dan Matang	-	-	-	-	-	-
Hilir Perak	1	100.0	-	-	1	100.0
Hulu Perak	-	-	-	-	-	-
Perak Tengah	1	100.0	-	-	1	100.0
Kampar	-	-	-	-	-	-
Muallim	-	-	-	-	-	-
Bagan Datuk	-	-	-	-	-	-
Selama	-	-	-	-	-	-
Perlis	-	-	-	-	-	-
Selangor	3	100.0	-	-	3	100.0
Gombak	-	-	-	-	-	-
Klang	1	100.0	-	-	1	100.0
Kuala Langat	-	-	-	-	-	-
Kuala Selangor	-	-	-	-	-	-
Petaling	-	-	-	-	-	-
Sabak Bernam	-	-	-	-	-	-
Sepang	-	-	-	-	-	-
Hulu Langat	1	100.0	-	-	1	100.0
Hulu Selangor	1	100.0	-	-	1	100.0
Terengganu	21	87.50	3	12.50	24	100.0
Besut	1	100.0	-	-	1	100.0
Dungun	5	71.43	2	28.57	7	100.0
Kemaman	4	100.0	-	-	4	100.0
Kuala Terengganu	-	-	-	-	-	-
Marang	7	100.0	-	-	7	100.0
Hulu Terengganu	3	100.0	-	-	3	100.0
Setiu	1	50.00	1	50.00	2	100.0
Kuala Nerus	-	-	-	-	-	-
Sabah	321	100.0	-	-	321	100.0
Tawau	5	100.0	-	-	5	100.0
Lahad Datu	2	100.0	-	-	2	100.0
Semporna	1	100.0	-	-	1	100.0
Sandakan	12	100.0	-	-	12	100.0
Kinabatangan	7	100.0	-	-	7	100.0
Beluran	2	100.0	-	-	2	100.0
Kota Kinabalu	14	100.0	-	-	14	100.0
Ranau	8	100.0	-	-	8	100.0
Kota Belud	25	100.0	-	-	25	100.0
Tuaran	18	100.0	-	-	18	100.0
Penampang	19	100.0	-	-	19	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agricultural Holdings of Pepper Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Papar	2	100.0	-	-	2	100.0
Kudat	-	-	-	-	-	-
Kota Marudu	10	100.0	-	-	10	100.0
Pitas	3	100.0	-	-	3	100.0
Beaufort	8	100.0	-	-	8	100.0
Kuala Penyu	2	100.0	-	-	2	100.0
Sipitang	2	100.0	-	-	2	100.0
Tenom	11	100.0	-	-	11	100.0
Nabawan	3	100.0	-	-	3	100.0
Keningau	44	100.0	-	-	44	100.0
Tambunan	104	100.0	-	-	104	100.0
Kunak	2	100.0	-	-	2	100.0
Tongod	1	100.0	-	-	1	100.0
Putatan	2	100.0	-	-	2	100.0
Telupid	-	-	-	-	-	-
Kalabakan	6	100.0	-	-	6	100.0
Membakut	8	100.0	-	-	8	100.0
Sarawak	31,715	100.0	1	0.00	31,716	100.0
Kuching	794	100.0	-	-	794	100.0
Bau	408	100.0	-	-	408	100.0
Lundu	779	100.0	-	-	779	100.0
Samarahan	152	100.0	-	-	152	100.0
Serian	2,894	100.0	-	-	2,894	100.0
Simunjan	1,072	100.0	-	-	1,072	100.0
Sri Aman	1,391	100.0	-	-	1,391	100.0
Lubok Antu	2,734	100.0	-	-	2,734	100.0
Betong	2,230	100.0	-	-	2,230	100.0
Saratok	1,326	100.0	-	-	1,326	100.0
Sarikei	783	99.87	1	0.13	784	100.0
Maradong	748	100.0	-	-	748	100.0
Daro	16	100.0	-	-	16	100.0
Julau	2,879	100.0	-	-	2,879	100.0
Sibu	715	100.0	-	-	715	100.0
Dalat	58	100.0	-	-	58	100.0
Mukah	187	100.0	-	-	187	100.0
Kanowit	730	100.0	-	-	730	100.0
Bintulu	194	100.0	-	-	194	100.0
Tatau	449	100.0	-	-	449	100.0
Kapit	593	100.0	-	-	593	100.0
Song	465	100.0	-	-	465	100.0
Belaga	299	100.0	-	-	299	100.0
Miri	99	100.0	-	-	99	100.0
Marudi	130	100.0	-	-	130	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agricultural Holdings of Pepper Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)

Daerah Pentadbiran Administrative District	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Limbang	191	100.0	-	-	191	100.0
Lawas	66	100.0	-	-	66	100.0
Matu	3	100.0	-	-	3	100.0
Asajaya	42	100.0	-	-	42	100.0
Pakan	2,365	100.0	-	-	2,365	100.0
Selangau	482	100.0	-	-	482	100.0
Tebedu	3,153	100.0	-	-	3,153	100.0
Pusa	12	100.0	-	-	12	100.0
Kabong	517	100.0	-	-	517	100.0
Tanjung Manis	46	100.0	-	-	46	100.0
Sebauh	107	100.0	-	-	107	100.0
Bukit Mabong	86	100.0	-	-	86	100.0
Subis	242	100.0	-	-	242	100.0
Beluru	37	100.0	-	-	37	100.0
Telang Usan	36	100.0	-	-	36	100.0
Gedong	446	100.0	-	-	446	100.0
Sebuyau	540	100.0	-	-	540	100.0
Siburan	209	100.0	-	-	209	100.0
Pantu	907	100.0	-	-	907	100.0
Lingga	103	100.0	-	-	103	100.0
W.P. Kuala Lumpur	-	-	-	-	-	-
W.P. Labuan	-	-	-	-	-	-
W.P. Putrajaya	-	-	-	-	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agricultural Census 2024

*** Nota:**

- 1. Analisa pada Disember 2025**
- 2. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk lokasi pegangan pertanian**

*** Notes:**

- 1. Analysis as at December 2025**
- 2. State and administrative district refer to the location's where the agricultural holder reside**

Jadual 2.0: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada, Malaysia, 2023
Table 2.0: Individual Agricultural Holding Profile for Pepper Crop, Malaysia, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	32,187	99.99
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	4	0.01
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	27,240	84.62
	Perempuan <i>Female</i>	4,951	15.38
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	653	2.03
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	4,535	14.09
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	12,034	37.38
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	14,969	46.50
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera <i>Bumiputera</i>	31,403	97.56
	Cina <i>Chinese</i>	760	2.36
	India <i>Indian</i>	6	0.02
	Lain-lain <i>Others</i>	18	0.06
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	2,665	8.28
	Berkahwin <i>Married</i>	25,564	79.41
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	3,172	9.85
	Berceraai <i>Divorced</i>	716	2.22
	Berpisah <i>Separated</i>	74	0.23

Jadual 2.0: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 2.0: Individual Agriculture Holding Profile for Pepper Crop, Malaysia, 2023 (cont'd.)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	5	0.02
Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	237	0.74
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	149	0.46
Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	33	0.10
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	10	0.03
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	17	0.05
STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	299	0.93
SPM/ SPM(V) atau yang setaraf <i>Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent</i>	6,204	19.27
Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) <i>Below the SPM/SPM (V) passing standard</i>	11,790	36.63
Tiada sijil <i>No Certificate</i>	13,447	41.77

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agricultural Census 2024

*** Nota:**

1. Analisa pada Disember 2025

*** Notes:**

1. Analysis as at December 2025

Jadual 2.1: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada, Johor, 2023

Table 2.1: Individual Agricultural Holding Profile for Pepper Crop, Johor, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	91	100.0
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	-	0.00
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	79	86.81
	Perempuan <i>Female</i>	12	13.19
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	6	6.59
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	23	25.27
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	32	35.16
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	30	32.97
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera <i>Bumiputera</i>	73	80.22
	Cina <i>Chinese</i>	15	16.48
	India <i>Indian</i>	3	3.30
	Lain-lain <i>Others</i>	-	0.00
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	9	9.89
	Berkahwin <i>Married</i>	74	81.32
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	7	7.69
	Berceraai <i>Divorced</i>	1	1.10
	Berpisah <i>Separated</i>	-	0.00

Jadual 2.1: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada, Johor, 2023 (samb.)

Table 2.1: Individual Agriculture Holding Profile for Pepper Crop, Johor, 2023 (cont'd.)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	-	0.00
Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	7	7.69
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	6	6.59
Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	1	1.10
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	-	0.00
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	1	1.10
STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	-	0.00
SPM/ SPM(V) atau yang setaraf <i>Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent</i>	50	54.95
Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) <i>Below the SPM/SPM (V) passing standard</i>	19	20.88
Tiada sijil <i>No Certificate</i>	7	7.69

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agricultural Census 2024

*** Nota:**
1. Analisa pada Disember 2025

*** Notes:**
1. Analysis as at December 2025

Jadual 2.2: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada, Kedah, 2023

Table 2.2: Individual Agricultural Holding Profile for Pepper Crop, Kedah, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	10	100.0
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	-	0.00
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	7	66.67
	Perempuan <i>Female</i>	3	33.33
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	2	22.22
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	1	11.11
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	3	33.33
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	4	33.33
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera <i>Bumiputera</i>	8	77.78
	Cina <i>Chinese</i>	1	11.11
	India <i>Indian</i>	-	0.00
	Lain-lain <i>Others</i>	1	11.11
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	2	22.22
	Berkahwin <i>Married</i>	7	66.67
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	-	0.00
	Berceraai <i>Divorced</i>	1	11.11
	Berpisah <i>Separated</i>	-	0.00

Jadual 2.2: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada, Kedah, 2023 (samb.)

Table 2.2: Individual Agriculture Holding Profile for Pepper Crop, Kedah, 2023 (cont'd.)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	-	0.00
Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	-	0.00
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	-	0.00
Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	-	0.00
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	-	0.00
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	-	0.00
STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	-	0.00
SPM/ SPM(V) atau yang setaraf <i>Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent</i>	5	44.44
Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) <i>Below the SPM/SPM (V) passing standard</i>	3	33.33
Tiada sijil <i>No Certificate</i>	2	22.22

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agricultural Census 2024

*** Nota:**
1. Analisa pada Disember 2025

*** Notes:**
1. Analysis as at December 2025

Jadual 2.3: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada, Kelantan, 2023

Table 2.3: Individual Agricultural Holding Profile for Pepper Crop, Kelantan, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	12	100.0
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	-	0.00
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	10	83.33
	Perempuan <i>Female</i>	2	16.67
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	1	8.33
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	1	8.33
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	6	50.00
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	4	33.33
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera <i>Bumiputera</i>	12	100.0
	Cina <i>Chinese</i>	-	0.00
	India <i>Indian</i>	-	0.00
	Lain-lain <i>Others</i>	-	0.00
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	-	0.00
	Berkahwin <i>Married</i>	11	91.67
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	-	0.00
	Berceraai <i>Divorced</i>	1	8.33
	Berpisah <i>Separated</i>	-	0.00

Jadual 2.3: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada, Kelantan, 2023 (samb.)

Table 2.3: Individual Agricultural Holding Profile for Pepper Crop, Kelantan, 2023 (cont'd.)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	-	0.00
Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	7	58.33
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	1	8.33
Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	-	0.00
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	-	0.00
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	-	0.00
STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	-	0.00
SPM/ SPM(V) atau yang setaraf <i>Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent</i>	4	33.33
Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) <i>Below the SPM/SPM (V) passing standard</i>	-	0.00
Tiada sijil <i>No Certificate</i>	-	0.00

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agricultural Census 2024

*** Nota:**
1. Analisa pada Disember 2025

*** Notes:**
1. Analysis as at December 2025

Jadual 2.4: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada, Melaka, 2023
Table 2.4: Individual Agricultural Holding Profile for Pepper Crop, Melaka, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	4	100.0
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	-	0.00
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	3	75.00
	Perempuan <i>Female</i>	1	25.00
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	-	0.00
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	-	0.00
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	1	25.00
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	3	75.00
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera <i>Bumiputera</i>	4	100.0
	Cina <i>Chinese</i>	-	0.00
	India <i>Indian</i>	-	0.00
	Lain-lain <i>Others</i>	-	0.00
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	-	0.00
	Berkahwin <i>Married</i>	4	100.0
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	-	0.00
	Berceraai <i>Divorced</i>	-	0.00
	Berpisah <i>Separated</i>	-	0.00

Jadual 2.4: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada, Melaka, 2023 (samb.)

Table 2.4: Individual Agriculture Holding Profile for Pepper Crop, Melaka, 2023 (cont'd.)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	-	0.00
Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	-	0.00
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	-	0.00
Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	-	0.00
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	-	0.00
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	1	25.00
STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	1	25.00
